

Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Guru Di Sebuah Sekolah Di Kelantan (*The Relationship Between Self -Efficacy And Psychological Well - Being Among Teachers In A School In Kelantan*)

Ahmad Akram Zaki Ahmad Tarmizi^{1*}, Mohd Izwan Mahmud^{1*}

¹ Universiti Kebangsaan Malaysia

*Pengarang Koresponden: akramzaki7059@gmail.com. izwan@ukm.edu.my

Accepted: 15 March 2022 | Published: 1 April 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.16>

Abstrak: Individu yang menghadapi masalah kesihatan mental terus meningkat saban tahun dengan 11% rakyat Malaysia mengalami masalah mental serta kemurungan yang serius telah direkodkan sehingga tahun 2010. Oleh itu, kajian berkenaan kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru telah dijalankan untuk mengenal pasti hubungan antara efikasi kendiri guru dengan kesejahteraan psikologi. Kajian ini diharap dapat memberikan gambaran yang lebih jelas berikutan dapatan kajian-kajian lepas menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru di negara ini adalah masih sedikit dan tidak konsisten. Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang melibatkan 75 orang responden yang merupakan guru yang berkhidmat di sebuah sekolah kategori Maahad Kawalan di Negeri Kelantan. Item Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) dan item Ryff's Psychological Well-Being Scale (PWB) yang mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi telah digunakan. Analisis deskriptif seperti min dan sisihan piawai, ujian ANOVA sehalu dan analisis korelasi telah digunakan. Dapatan kajian ini menunjukkan guru-guru mempunyai tahap efikasi kendiri dan kesejahteraan psikologi yang tinggi. Selain itu, kajian ini juga turut menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesejahteraan psikologi guru [$F(2,72)=3.20, p=.046$] berdasarkan tahap pendidikan. Dapatan turut menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan positif yang lemah antara efikasi kendiri guru dengan tahap kesejahteraan psikologi. Kajian ini dapat dijadikan sebagai panduan kepada pihak bertanggungjawab untuk merangka program intervensi supaya mengekalkan tahap efikasi kendiri yang tinggi sekali gus mengekalkan tahap kesejahteraan psikologi dalam usaha mengurangkan risiko masalah kesihatan mental dalam kalangan guru.

Kata kunci: Kesejahteraan Psikologi; Efikasi Kendiri; Yayasan Islam Kelantan

Abstract: Individuals with mental health problems continue to increase every year with 11% of Malaysians suffering from serious mental problems and depression have been recorded until 2010. Therefore, a study on psychological well-being among teachers was conducted to identify the relationship between teachers' self-efficacy and well-being psychology. It is hoped that this study can provide a clearer picture following the findings of previous studies showing the level of psychological well-being among teachers in the country is still small and inconsistent. This study uses a quantitative approach involving 75 respondents who are teachers who serve in a school in the category of Maahad Kawalan in the State of Kelantan. The Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) item and Ryff's Psychological Well-Being Scale (PWB) item with high validity and reliability were used. Descriptive analysis such as mean and

standard deviation, one -way ANOVA test and correlation analysis were used. The findings of this study indicate that teachers have a high level of self- efficacy and psychological well-being. In addition, this study also showed that there was no significant difference between the level of psychological well -being of teachers [$F(2,72) = 3.20, p = .046$] based on the level of education. The findings also show that there is a weak significant positive relationship between teachers' self -efficacy and the level of psychological well -being. This study can be used as a guide to those responsible for designing intervention programs to maintain a high level of self -efficacy while maintaining a level of psychological well -being in an effort to reduce the risk of mental health problems among teachers.

Keywords: Psychological Well-being; Self-Efficacy; Yayasan Islam Kelantan

1. Pengenalan

Masalah kesihatan mental terus meningkat saban tahun. Dapatan daripada Persatuan Psikiatrik Malaysia (2010) menyatakan bahawa sekitar 11% rakyat Malaysia mengalami masalah mental serta kemurungan yang serius. Kajian oleh Ruziati Mior Ahamad Ariffin et al. (2018) penyakit mental dijangka berada di tempat yang kedua selepas penyakit jantung menjelang 2020. Selain itu, status ekonomi dalam kalangan guru Yayasan Islam Kelantan juga sudah diketahui umum. Menurut (Mohamad Adnan Mohamad Kasim et al. 2016) guru-guru di bawah kelolaan Yayasan Islam Kelantan rata-ratanya adalah guru tidak tetap dan mendapat jumlah gaji yang lebih rendah berbanding guru-guru KPM.

World Health Organisation (WHO) menyatakan terdapat perkaitan yang rapat antara kesihatan mental dengan kesejahteraan psikologi. Memandangkan kajian oleh (Kavita K. & Hassan (2018) menyatakan bahawa kerjaya sebagai guru merupakan salah satu pekerjaan yang menyumbang kepada stres yang tinggi berbanding pekerjaan lain, guru dikhuatiri lebih berisiko mendapat masalah kesihatan mental. Selain itu, status ekonomi yang rendah dalam kalangan guru Yayasan Islam Kelantan mendorong kepada tahap kesejahteraan kewangan yang rendah. Dalam konteks guru, kesejahteraan ekonomi yang rendah menjurus kepada masalah keberhutangan yang serius bagi memenuhi keperluan kehidupan (Nazuha Shamshuddin et al. 2018). Kesejahteraan kewangan dan kesejahteraan psikologi adalah saling berkaitan antara satu sama lain dan signifikan terhadap kebahagiaan seseorang individu. (Chirng, R. et al. 2016; Diener 1984; Diener et al. 1985; Easterlin 1974; Ortega et al. 2015). Peningkatan pesakit mental dalam kalangan rakyat Malaysia saban tahun juga menjadi kerisauan pihak Bahagian Perkhidmatan Awam Malaysia. Justeru, indeks kesejahteraan psikologi telah dibina bagi mengukur dan mendapatkan gambaran keseluruhan tahap kesejahteraan psikologi penjawat awam di Malaysia (Ruziati Mior Ahamad Ariffin et al. 2018).

Dapatan daripada kajian-kajian lepas menunjukkan kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru di negara ini adalah tidak konsisten. Tambahan pula, kajian yang dilakukan dalam kalangan guru Yayasan Islam Kelantan masih sangat sedikit dan situasi ini sedikit sebanyak memberikan limitasi terhadap sumber rujukan dalam kumpulan sasaran ini. Untuk memahami situasi ini secara lebih mendalam, kajian ini telah dijalankan untuk mengkaji secara lebih mendalam tahap kesejahteraan psikologi guru-guru sekolah kategori Maahad Kawalan di Yayasan Islam Kelantan. Persoalan kajian yang dirujuk dalam kajian ini adalah seperti berikut;

- a) Apakah tahap kesejahteraan psikologi dan efikasi sendiri guru di sebuah sekolah kategori Maahad Kawalan di Negeri Kelantan

- b) Apakah terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap kesejahteraan psikologi berdasarkan tahap pendidikan
- c) Apakah terdapat hubungan yang signifikan antara efikasi sendiri guru dengan tahap kesejahteraan psikologi guru di sebuah sekolah kategori Maahad Kawalan di Negeri Kelantan

2. Tinjauan Literatur

Kajian ini membincangkan isu berkaitan kesejahteraan psikologi dalam kalangan guru. Sejauh mana tahap efikasi sendiri guru dapat mempengaruhi kesejahteraan psikologi guru di sekolah kategori Maahad Kawalan di Yayasan Islam Kelantan.

Kesejahteraan Psikologi

Kesejahteraan psikologi didefinisikan sebagai keupayaan seseorang untuk menerima seadanya diri mereka, dapat mempunyai hubungan baik dengan orang lain, mempunyai kekuatan dalam mendepani segala bentuk tekanan sosial, dapat mengawal masteri sekeliling, mempunyai fokus dalam kehidupan, dan mampu mengembangkan potensi diri secara berterusan (Ryff 1989). Menurut Hauser et al. (2005) pula kesejahteraan psikologi pula dijelaskan sebagai usaha seseorang untuk merealisasikan keupayaan sendiri, emosi sendiri dan aktualisasi sendiri. Manakala Snyder & Lopez (2002) pula memberikan definisi kesejahteraan psikologi iaitu iaitu kemampuan seseorang individu untuk memenuhi tiga aspek kebahagiaan dalam hidup iaitu penerimaan, kasih sayang dan kejayaan.

Nazuha Shamshuddin et al. (2018) menjelaskan bahawa (Ryff 1989) telah menyenaraikan enam dimensi dalam teori berkenaan iaitu penerimaan sendiri, hubungan positif dengan orang lain, autonomi, penguasaan persekitaran, matlamat yang bermakna dan perkembangan sendiri. Penerimaan sendiri dijelaskan sebagai sikap yang positif terhadap diri sendiri. Manakala hubungan positif dengan orang lain pula dimaksudkan sebagai seseorang individu mempunyai empati serta mesra dan mempunyai hubungan interpersonal yang baik dengan individu yang lain. Selain autonomi pula dijelaskan sebagai keupayaan untuk bergantung kepada diri sendiri, Seterusnya, penguasaan persekitaran pula dirujuk sebagai kemampuan individu untuk berhadapan dengan situasi yang sukar dan mampu untuk mengawal persekitaran tersebut dengan baik. Di samping itu, matlamat yang bermakna merujuk kepada keupayaan seseorang individu untuk mewujudkan tujuan hidup mereka secara jelas. Manakala perkembangan sendiri merupakan kemampuan seseorang individu untuk meningkatkan potensi diri secara menyeluruh. Secara rumusannya dapat dijelaskan bahawa, Teori kesejahteraan Psikologi Ryff (1989) merupakan keadaan seseorang individu yang sejahtera dan mengisi kehidupannya secara positif. Teori ini dikembangkan dari konsep kesejahteraan yang diperkenalkan sebelumnya. Teori ini dibentuk melalui 6 dimensi iaitu penerimaan sendiri, hubungan positif dengan orang lain, tujuan hidup, autonomi, menguasai persekitaran dan perkembangan sendiri. Berdasarkan kajian lepas, terdapat 3 faktor yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi iaitu umur, jantina dan status ekonomi. Penerokaan secara lebih mendalam terhadap faktor tahap pendidikan dilihat berpotensi memberikan perkembangan ilmu dalam pemahaman teori berkenaan.

Dalam konteks kajian ini, kesejahteraan psikologi diukur dalam 5 elemen iaitu emosi positif, emosi negatif, kepuasan hidup, kefungsiian psikologi dan kesejahteraan sosial. Pemboleh ubah ini diukur dengan menggunakan instrumen Ryff's Psychological Well-Being Scale (PWB) yang diperolehi daripada kajian oleh Nazuha Shamshuddin et al. (2018)

Efikasi Kendiri

Manakala efikasi sendiri guru pula didefinisikan sebagai keupayaan seseorang individu untuk mempercayai dan meyakini keupayaan mereka menyampaikan ilmu dalam pengajaran. Efikasi sendiri guru berdasarkan kajian yang telah dilaksanakan menunjukkan terdapat tiga elemen untuk mengenal pasti tahap efikasi guru iaitu, strategi pengajaran guru berkenaan, kaedah pengurusan di dalam bilik darjah dan penglibatan pelajar dalam pengajaran. (Roslee Talip & Tisebio Tiop 2020). Seperti mana (Garvis & Pendergast 2011; Tschannen-Moran et al. 1998) turut mendefinisikan efikasi sendiri guru sebagai kepercayaan terhadap diri sendiri oleh guru untuk menyampaikan pengajaran kepada pelajarinya berdasarkan keyakinan mereka mampu menyampaikan tanggungjawab tersebut dengan berkesan.

Teori efikasi sendiri Bandura (1997), efikasi sendiri dijelaskan melalui beberapa elemen yang terdiri daripada pengalaman masteri, pengalaman vikarius, pemujukan sosial dan keadaan somatik. Pengalaman seseorang apabila selesai melaksanakan sesuatu tugas dengan berjaya didefinisikan sebagai pengalaman masteri. Pengalaman vikarius pula merujuk kepada elemen meniru dari pengalaman orang lain yang berjaya melaksanakan sesuatu tindakan dan dipraktikkan dalam tindakan kita. Elemen ketiga ialah pemujukan sosial yang dirujuk sebagai cadangan yang dilontarkan seseorang kepada individu yang percaya dia mampu menyelesaikan sesuatu tugas dengan berkesan. Elemen seterusnya ialah elemen keadaan somatik yang dijelaskan sebagai rangsangan emosi terhadap individu (Jafar et al. 2020). Secara rumusnya dapat disimpulkan bahawa Teori Efikasi Kendiri Bandura (1997) merupakan satu bentuk keyakinan diri seseorang bagi melakukan sesuatu perkara. Teori ini dibangunkan berdasarkan Teori Kognitif Sosial Bandura (1977). Teori ini dibentuk dari 4 elemen iaitu pengalaman masteri, pengalaman vikarius, pemujukan sosial dan keadaan somatik. Perlu dititikberatkan bahawa konsep efikasi sendiri guru adalah berbeza dengan efikasi sendiri secara umum. Malahan efikasi sendiri guru dapat dikesan melalui tiga aspek iaitu penglibatan murid, strategi pengajaran dan pengurusan kelas.

Dalam konteks kajian ini, efikasi sendiri diukur berdasarkan 3 elemen penglibatan murid, strategi pengajaran dan pengurusan kelas. Pemboleh ubah ini diukur dengan menggunakan instrumen Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) yang diasaskan oleh Tschannen-Moran & Hoy (2001).

3. Metodologi

Populasi kajian ini adalah seluruh guru yang berkhidmat di sebuah sekolah Maahad Kawalan di Negeri Kelantan iaitu seramai 90 orang. Berdasarkan kajian ini, dengan merujuk kepada jadual Krejcie & Morgan, responden yang bersesuaian digunakan adalah seramai 75 orang. Kajian ini adalah berbentuk kuantitatif dengan menggunakan kajian korelasi. Kajian rintis telah dilakukan yang melibatkan 30 orang responden dari sebuah sekolah untuk meningkatkan kebolehpercayaan soalan soal selidik ini. Bagi tujuan mendapatkan responden kajian, edaran borang soal selidik dijalankan secara atas talian menggunakan google form melalui kumpulan Whatapps rasmi sekolah.

Borang soal selidik yang digunakan terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A (demografi), Bahagian B (Teacher Sense of Efficacy Scale) dan Bahagian C (Ryff's Psychological Well-Being Scale). Item Teacher Sense of Efficacy Scale (TSES) yang diasaskan oleh Tschannen-Moran & Hoy (2001) sudah dialih bahasa oleh Liang Fei Shin (2020) di dalam kajiannya. Item ini amat bersesuaian dan menepati kriteria elemen yang dipilih iaitu penglibatan murid, strategi pengajaran dan pengurusan kelas. Skala likert 5 mata

digunakan yang bermula dengan “1” (Sangat Tidak Setuju) dan berakhir dengan “5” (Sangat Setuju). Bagi item Ryff’s Psychological Well-Being Scale (PWB) pula, item yang digunakan sudah dialih bahasa oleh Nazuha Shamshuddin et al. (2018). Instrumen tersebut mampu untuk mengukur elemen penerimaan sendiri, hubungan positif, autonomi, penguasaan persekitaran, tujuan hidup dan perkembangan sendiri diuji dengan menggunakan skala likert 6 mata digunakan yang bermula dengan “1” (Sangat Tidak Setuju) dan berakhir dengan “6” (Sangat Setuju). Kedua-dua instrumen ini mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi.

4. Dapatan Kajian

Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru

Pengkaji telah menganalisis kesejahteraan psikologi berdasarkan enam konstruk seperti yang terdapat pada bahagian C borang soal selidik. Hasil analisis deskriptif dikategorikan kepada 3 tahap iaitu rendah, sederhana dan tinggi. Jadual 1 menunjukkan dapatan analisis menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi guru secara keseluruhannya adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai min 4.61 dan nilai sisihan piawai adalah .53. Konstruk perkembangan sendiri mempunyai skor min yang tertinggi iaitu 4.78 dengan nilai sisihan piawai .67. Manakala terdapat dua konstruk berada pada tahap yang sederhana iaitu autonomi dan penguasaan persekitaran yang masing-masing mempunyai nilai min 4.42 dan 4.46 serta sisihan piawai .74 dan .54.

Jadual 1: Statistik deskriptif bagi min Kesejahteraan Psikologi

Bil	Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Autonomi	4.42	.74	Sederhana
2	Penguasaan Persekitaran	4.46	.54	Sederhana
3	Perkembangan Kendiri	4.78	.67	Tinggi
4	Hubungan Positif	4.72	.65	Tinggi
5	Tujuan Hidup	4.54	.66	Tinggi
6	Penerimaan Kendiri	4.74	.76	Tinggi
Keseluruhan Kesejahteraan Psikologi		4.61	.53	Tinggi

Tahap Efikasi Kendiri Guru

Seterusnya bagi menganalisis efikasi sendiri guru, pengkaji telah menggunakan tiga konstruk seperti yang terdapat pada bahagian B borang soal selidik. Analisis deskriptif telah dijalankan dan dapatan analisis tersebut dikategorikan kepada 5 tahap iaitu sangat rendah, rendah, sederhana, tinggi dan sangat tinggi. Jadual 2 menunjukkan secara keseluruhannya tahap tahap efikasi sendiri guru adalah berada pada tahap yang tinggi iaitu nilai min 4.03 dengan nilai sisihan piawai, .52. Ketiga-tiga konstruk bagi efikasi sendiri guru menunjukkan tahap yang tinggi dengan nilai skor min yang tertinggi merupakan konstruk pengurusan kelas iaitu 4.03 dengan nilai sisihan piawai .62. Manakala dua konstruk yang mempunyai nilai skor min dan sisihan piawai yang sama iaitu konstruk penglibatan murid dan strategi pengajaran berada pada tahap yang tinggi nilai min 4.01 dan sisihan piawai .55.

Jadual 2: Statistik deskriptif bagi min Efikasi Kendiri Guru

Bil	Konstruk	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Penglibatan Murid	4.01	.55	Tinggi
2	Strategi Pengajaran	4.01	.55	Tinggi
3	Pengurusan Kelas	4.09	.62	Tinggi
Keseluruhan Efikasi Kendiri		4.03	.52	Tinggi

Perbezaan Kesejahteraan Psikologi Guru Berdasarkan Tahap Pendidikan

Bagi menguji perbezaan min kesejahteraan psikologi guru berdasarkan tahap pendidikan, data telah diuji untuk memeriksa kenormalan data menggunakan Kolmogorov-Smirnov berikutan bilangan data adalah melebihi 50. Analisis tersebut menunjukkan data bertaburan secara normal. Justeru analisis inferensi ANOVA sehala telah dijalankan untuk melihat perbezaan antara min kesejahteraan psikologi guru berdasarkan tahap pendidikan. Jadual 3 menunjukkan hasil analisis berkenaan.

Jadual 3: Statistik deskriptif bagi min Efikasi Kendiri Guru berdasarkan Tahap Pendidikan

Ciri Demografi	Kategori	Min	Sisihan Piawai	F
Tahap Pendidikan	Diploma/Setaraf	4.381	.619	3.204**
	Ijazah Sarjana Muda/Setaraf	4.566	.500	
	Ijazah Sarjana/Setaraf	5.005	.578	

Nota. ***Signifikan pada aras keertian 0.05

Ujian ANOVA yang dijalankan menunjukkan keputusan yang signifikan, kesejahteraan psikologi guru dipengaruhi oleh tahap pendidikan, $F(2,72)=3.20, p=.046, \eta^2=.08$. Analisis post hoc menggunakan Turkey's HSD ($\alpha=.05$) menunjukkan guru yang mempunyai ijazah sarjana muda/setaraf ($M = 4.566, SD = .500$) mempunyai skor yang lebih rendah berbanding guru yang mempunyai ijazah sarjana/setaraf ($M = 5.005, SD = .578$). Walaubagaimanapun tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara guru yang mempunyai ijazah sarjana muda/setaraf dengan guru yang mempunyai ijazah diploma/setaraf ($M = 4.381, SD = .619$). Begitu juga tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara guru yang mempunyai ijazah sarjana/setaraf dengan guru yang mempunyai ijazah diploma/setaraf. Kesan saiz antara ketiga-tiga perbandingan tersebut masing-masing ialah $d = 0.14, 0.43$ dan 0.57 .

Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dan Kesejahteraan Psikologi

Bagi mengukur hubungan antara efikasi kendiri guru dan kesejahteraan psikologi, data telah diuji untuk memeriksa kenormalan data menggunakan Kolmogorov-Smirnov berikutan bilangan data adalah melebihi 50. Analisis tersebut menunjukkan data tidak bertaburan secara normal. Justeru analisis inferensi kolerasi Spearman telah dijalankan untuk melihat perbezaan antara min kesejahteraan psikologi guru berdasarkan tahap pendidikan. Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian berkenaan.

Jadual 4: Pekali korelasi Spearman antara Efikasi Kendiri Guru dan Kesejahteraan Psikologi

Efikasi Kendiri Guru	Korelasi Spearman	Sig (2-tailed)	Tahap kekuatan Hubungan
Kesejahteraan Psikologi	.360	.002	Lemah

Ujian korelasi Spearman telah menunjukkan terdapat hubungan yang positif tetapi lemah antara efikasi sendiri guru dengan kesejahteraan psikologi, $r_s = .36$, $p < .005$, $N = 75$

5. Perbincangan

Tahap Kesejahteraan Psikologi Guru

Kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kesejahteraan psikologi guru di sebuah sekolah Maahad kawalan di Negeri Kelantan. Kajian ini adalah penting bagi membolehkan gambaran yang lebih jelas tentang tahap kesejahteraan psikologi guru di bawah Yayasan Islam Kelantan.

Dapatan Kajian ini menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi guru adalah berada pada tahap yang tinggi dan kesemua konstruk di bawah kesejahteraan psikologi berada pada tahap yang tinggi kecuali bagi konstruk autonomi dan penguasaan persekitaran yang berada pada tahap sederhana. Semasa kajian ini dilakukan guru-guru masih perlu untuk mengajar secara atas talian ekoran situasi pandemik Covid-19 masih berleluasa. Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Malaysia (NUTP) berkata sepanjang pengajaran secara atas talian ini berlangsung, guru terus berhadapan dengan tekanan beban kerja daripada pihak atasan (Latifah Arifin 2021). Tahap autonomi yang rendah juga mungkin dipengaruhi oleh proses 'top-down' yang dilihat dominan yang menjadikan guru lebih memilih untuk bergantung kepada pihak atasan untuk membuat sebarang keputusan ekoran situasi sekarang. Keadaan ini tetap berlaku walaupun Dasar Desentralisasi di negara ini telah diperkenalkan sejak sekian lama (Suhaili Mohd Yusoff & Tengku Faekah Tengku Ariffin 2020). Dapatan kajian ini diharap menjadi gambaran umum tahap kesejahteraan psikologi guru kepada pihak KPM dan YIK dalam merangka program intervensi. Keadaan pandemik yang berlaku secara tidak langsung mungkin memberikan kesan kepada tahap kesejahteraan psikologi guru. Untuk dapatan yang lebih jelas, kajian secara lebih terperinci wajar dilakukan bagi meneroka faktor yang mempengaruhi tahap sederhana bagi konstruk autonomi dan penguasaan persekitaran.

Tahap Efikasi Kendiri Guru

Seterusnya, kajian untuk mengukur tahap efikasi sendiri guru sebuah sekolah Maahad kawalan di Negeri Kelantan telah dijalankan. Kajian ini adalah signifikan bagi meninjau tahap efikasi sendiri guru semasa pandemik ini melanda di samping dapat merangka program intervensi yang bersesuaian.

Dapatan kajian menunjukkan tahap efikasi sendiri guru adalah berada pada tahap yang tinggi walaupun berhadapan dengan situasi sukar sepanjang tempoh pengajaran secara atas talian ini berlangsung. Dapatan ini adalah selari dengan dapatan kajian-kajian sebelum ini yang dijalankan sebelum pandemik Covid-19 melanda negara ini. Secara tidak langsung dapat disimpulkan bahawa situasi ini tidak mempengaruhi tahap efikasi sendiri guru walaupun kajian menunjukkan interaksi antara guru dengan pelajar adalah kurang sepanjang pengajaran secara atas talian dilaksanakan (Suzalina Halid 2021). Berikutan itu, pihak YIK dan KPM wajar untuk terus mengadakan kursus-kursus pemantapan pdpc supaya tahap efikasi sendiri guru terus kekal tinggi dalam menghadapi situasi yang tidak menentu ini.

Perbezaan Kesejahteraan Psikologi Guru Berdasarkan Tahap Pendidikan

Satu bentuk kajian bagi mengukur perbezaan kesejahteraan psikologi guru berdasarkan tahap pendidikan telah dijalankan. Kajian ini adalah satu bentuk justifikasi kepada guru-guru untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Hasil analisis inferensi yang dilakukan menunjukkan kesejahteraan psikologi guru dipengaruhi oleh tahap pendidikan. Dapatan ini juga menunjukkan guru yang mempunyai ijazah sarjana/setaraf cenderung mempunyai kesejahteraan psikologi yang lebih tinggi berbanding guru yang mempunyai ijazah sarjana muda/setaraf. Namun perbezaan min antara guru yang memegang diploma dengan ijazah sarjana adalah tidak signifikan. Hal ini mungkin disebabkan guru yang memegang diploma rata-ratanya adalah guru yang sudah berkhidmat lebih lama. Khalid Johari et al. (2009) menjelaskan di dalam kajiannya bahawa tahap pendidikan tidak memberi pengaruh yang konsisten terhadap kepercayaan iaitu elemen penting konstruk penerimaan sendiri. Sebaliknya beliau menambah, pengalaman adalah lebih utama untuk membentuk tahap kepercayaan yang tinggi dalam diri. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa guru-guru yang baru berkhidmat digalakkan melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana. Hal ini selari dengan saranan kerajaan yang meletakkan sasaran supaya majoriti guru di Malaysia mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana menjelang tahun 2030. Ini merupakan rentetan daripada jawab lisan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik di parlimen.

Hubungan Antara Efikasi Kendiri Dan Kesejahteraan Psikologi

Kajian korelasi untuk mengukur hubungan antara efikasi kendiri guru dan kesejahteraan psikologi telah dijalankan. Kajian ini adalah signifikan bagi mengenal pasti sama ada efikasi kendiri merupakan faktor yang dapat mempengaruhi kesejahteraan psikologi.

Dapatan melalui analisis inferensi telah menunjukkan bahawa memang terdapat hubungan yang signifikan yang positif tetapi lemah antara kedua-dua pemboleh ubah. Hal ini menunjukkan bahawa peningkatan efikasi kendiri akan meningkatkan kesejahteraan psikologi. Dapatan ini selari dengan dapatan oleh Jay et al. (2020) yang menyatakan bahawa kesejahteraan psikologi mempunyai hubungan yang positif terhadap efikasi kendiri. Namun perkaitan yang lemah ini menunjukkan kesejahteraan psikologi turut dipengaruhi oleh faktor-faktor lain yang perlu diambil kira. Oleh itu kajian seterusnya yang lebih menekankan faktor lain yang mempengaruhi kesejahteraan psikologi. Kajian ini diharap mampu memberikan gambaran umum serta perkaitan antara kesejahteraan psikologi dan efikasi kendiri. Justeru pihak YIK dan KPM disaran melaksanakan program intervensi bagi meningkatkan kesejahteraan psikologi guru-guru terutamanya mereka yang terpaksa menjalankan pengajaran secara atas talian ekoran dari situasi pandemik yang masih tidak berkesudahan.

Limitasi Kajian dan Kajian Lanjutan

Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memfokuskan kepada guru-guru di sebuah sekolah Maahad Kawalan sahaja. Oleh itu, kajian ini tidak dapat digeneralisasikan kepada keseluruhan guru di Negeri Kelantan, berikutan terdapat beberapa kategori yang berlainan iaitu Maahad Pilihan, Sekolah Menengah Ugama (SMUA), Maahad Kerajaan, Sekolah Menengah Agama Bantuan Kerajaan (SABK), Sekolah Rendah Ugama (SRU), Tadika Dan Pondok. Kajian ini turut menunjukkan skop kajian adalah terhad kepada guru di bawah YIK sahaja. Bagi cadangan kajian lanjutan, pengkaji seterusnya boleh menjalankan kajian di sekolah-sekolah lain untuk mendapat gambaran yang lebih jelas berdasarkan kesejahteraan psikologi guru di seluruh Malaysia.

Kesimpulannya

Kajian berkaitan kesejahteraan psikologi dalam kalangan rakyat Malaysia masih awal. Hal ini berikutan isu kesihatan mental dalam kalangan guru sangat kurang dikaji malahan dapatan kajian yang menunjukkan tahap kesejahteraan psikologi guru juga masih sangat kurang. Masalah kesihatan mental yang semakin membimbangkan ini ditambah pula kesukaran yang dialami sepanjang tempoh pemulihan Covid-19 ini membuka ruang kepada kajian yang lebih mendalam terhadap isu ini. Malah skor keseluruhan Kesejahteraan Psikologi rakyat Malaysia sehingga 25 Disember 2021 adalah berada pada tahap sederhana. Justeru, ibu bapa, guru-guru dan individu sendiri perlu ada kesedaran terhadap isu yang sedang kita hadapi ini. Diharap isu kesihatan mental ini dapat diatasi dengan kerjasama yang jitu oleh semua pihak selari dengan Deklarasi Keluarga Malaysia.

Rujukan

- Chirng, R., Abdullah, H. S. L., Madon, Z. & Li L. P. 2016. Counselling The Stressed For Psychological Wellbeing. *Journal Of Islamic Social Sciences And Humanities* 8: 45–61.
- Diener, E. 1984. Subjective well-being. *Psychological Bulletin*.
- Diener, E., Horwitz, J. & Emmons, R. A. 1985. Happiness of the very wealthy. *Social Indicators*. Easterlin, A. A. 1974. Does economic growth improve the human lot? Some empirical evidence. *Nation and households in economic growth*.
- Garvis, S. & Pendergast, D. 2011. An investigation of early childhood teacher self-efficacy beliefs in the teaching of arts education. *International Journal of Education & the Arts* 12(9): 1–15.
- Hauser, R. M., Springer, K. W. & Pudrovskaya, T. 2005. Temporal structures of psychological wellbeing.
- Jafar, M. F., Hasan, S. & Hashim, S. 2020. Pemerhatian pengajaran rakan guru dan penyeliaan pensyarah sebagai peramal terhadap efikasi sendiri guru pelatih di ipgm. *Jurnal IPDA* 26(1): 230–250.
- Jay, N. E. J., Jay, Hamsan, H. H. & Ma'rof, A. A. 2020. The Relationship between Self-Efficacy, Social Support and Psychological Well-Being among Adolescent with Physical Disabilities in Lagos State, Nigeria. *Journal of Psychology and Social Health* 4: 63–68.
- Kavita K. & Hassan, N. C. 2018. Work Stress among Teachers: A Comparison between Primary and Secondary School Teachers. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 7(4): 60–66. doi:10.6007/ijarped/v7-i4/4802
- Khalid Johari, Zurida Ismail, Shuki Osman & Ahmad Tahuddin Othman. 2009. Pengaruh Jenis Latihan Guru dan Pengalaman Mengajar Terhadap Efikasi Guru Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 34(2): 3–14.
- Latifah Arifin. 2021. Jangan beri tekanan pada guru. *BH Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/07/834347/jangan-beri-tekanan-pada-guru>
- Liang Fei Shin. 2020. Kompetensi Kepimpinan Perubahan Pengetua dan Efikasi Kendiri Guru: Suatu Pemerhatian Awal. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(9): 90–97.
- Mohamad Adnan Mohamad Kasim, Siti Noor Ismail, Suhaila Mohammad & Hasliza Ibrahim. 2016. Iklim Sekolah dan Komitmen Guru di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, hlm. 699–708. Universiti Utara Malaysia, Malaysia. doi:<http://dx.doi.org/10.21070/piccers.v1i1.543>
- Nazuha Shamshuddin, Haikal Anuar Adnan & Ahmad Khairuddin Mohd Ghazi. 2018.

- Hubungan Di Antara Kesejahteraan Kewangan Dengan Kesejahteraan Psikologi Dalam Kalangan Penjawat Awam Di Kementerian Sumber Manusia. *Jurnal Psikologi Malaysia* 13: 142–162.
- Ortega, A., D’Silva, J. L., Samah, A. A. & Omar, S. Z. 2015. A Comparison across Ranks of Well-being among Police Officers in Malaysia. *Asian Social Science* 12(1): 151.
- Roslee Talip & Tisebio Tiop. 2020. Kesan Komitmen Organisasi Pendidikan Sebagai Moderator ke atas Hubungan Kepimpinan Teknologi Pengetua dalam Pengurusan Kurikulum dengan Efikasi Kendiri Guru. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)* 5(3): 30–46. doi:<https://doi.org/10.47405/mjssh.v5i3.373>
- Ruziati Mior Ahamad Ariffin, Abdul Jalil Hassan, Amran Hassan, Zuraini Ismail & Ami Haji Patola. 2018. Keperluan Indeks Kesejahteraan Psikologi Dalam Perkhidmatan Awam: Satu Tinjauan Umum. *Jurnal Psikologi Malaysia* 13: 1–16.
- Ryff, C. D. 1989. Happiness is everything, or is it? Explorations on the meaning of psychological well-being. *Journal of personality and social psychology* 56(6): 1069.
- Snyder, C. & Lopez, S. J. 2002. *Handbook of positive psychology*. New York: Oxford University Press.
- Suhaili Mohd Yusoff & Tengku Faekah Tengku Ariffin. 2020. Penerokaan dan kesahan struktur faktor bagi konstruk pengupayaan guru dalam konteks Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences* 20(1): 17–28.
- Suzalina Halid. 2021. Kurang interaksi buatkan murid tertekan jalani PdPR. *BH Online*. Retrieved from <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/09/866822/parlimen-kurang-interaksi-buatkan-murid-tertekan-jalani-pdpr>
- Tschannen-Moran, Hoy, A. W. & Hoy, W. k. 1998. Teacher efficacy: Its meaning and measure. *Review of Educational Research*, 68: 202–248.
- Tschannen-Moran, M. & Hoy, A. W. 2001. Teacher efficacy: capturing an elusive construct. *Teaching and Teacher Education* 17